

Mustafa juga berharap dapat bekerjasama dengan media dalam menyalurkan pandangan dari perspektif akademik dalam isu-isu tertentu kerana media mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat.

"Kita juga berharap media melaporkan lebih banyak berita positif mengenai UUM kerana ia dapat membantu meningkatkan martabat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam kalangan pelajar, ibu bapa dan masyarakat," katanya.

Katanya, UUM akan memberi lebih tumpuan terhadap pemberitaan dalam bidang akademik seperti penyelidikan yang dilakukan oleh profesor, aktiviti pelajar antarabangsa dan tempatan di universiti ini.

Selain itu, Mustafa berkata, pihaknya akan menawarkan ganjaran kepada penulisan yang terbaik dan cemerlang tentang UUM dalam kalangan wartawan negeri ini.

"Karya dan penulisan terbaik akan diberi insentif termasuk pakej pelancongan bagi menghargai jasa mereka menaikkan nama universiti dan memberi imej yang baik kepada masyarakat," katanya.

Habis.